



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
HUMANITIES, PHILOSOPHY
AND LANGUAGE
(IJHPL)**
www.ijhpl.com



**PANTUN MELAYU SARAWAK SEBAGAI WADAH PENERAPAN
NILAI TANGGUNGJAWAB**

*SARAWAK MALAY PANTUN AS THE PLATFORM OF RESPONSIBILITY VALUE
APPLICATION*

Mohammad Syawal Narawi^{1*}, Nor Hasimah Ismail², Lee Jun Choi³

¹ Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia
Email: syawal@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia
Email: nhsimah@uum.edu.my

³ Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak
Email: cljun@unimas.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.07.2019

Revised date: 24.07.2019

Accepted date: 10.09.2020

Published date: 15.09.2020

To cite this document:

Narawi, M. S., Ismail, N. H., & Lee, J. C. (2020). Pantun Melayu Sarawak Sebagai Wadah Penerapan Nilai Tanggungjawab. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3 (11), 19-31.

DOI: 10.35631/IJHPL.311003.

Abstrak:

Pantun dalam budaya bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak merupakan antara warisan yang menjadi pengisian dalam aktiviti berbentuk hiburan suatu ketika dahulu sekitar tahun 1960an. Kebiasaannya aktiviti ini diadakan untuk memeriahkan lagi majlis kenduri seperti majlis kenduri perkahwinan dan kenduri berkhatan yang diadakan di perkampungan masyarakat Melayu. Pantun yang disampaikan dalam aktiviti bermukun dan bergendang ini berperanan sebagai medium untuk berhibur, menyampaikan hasrat hati antara tukang gendang dan penandak serta menyampaikan mesej tertentu kepada pendengar atau penonton. Arus perubahan globalisasi yang bergerak pantas antara penyebab aktiviti bermukun dan bergendang kurang dikenali dan dipraktikkan generasi baharu masyarakat Melayu Sarawak. Fenomena ini memungkinkan aktiviti ini akan berkubur dan hilang daripada pengetahuan generasi baharu. Menyedari akan kepentingan aktiviti bermukun dan bergendang ini, maka satu kajian dilakukan berkaitan aktiviti bermukun dan bergendang bagi masyarakat Melayu Sarawak. Kajian ini dilakukan bertujuan mengenal pasti budaya bermukun dan bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak berupaya dilestarikan sebagai wadah untuk menerapkan nilai tanggungjawab. Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan semakan dokumentasi. Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa budaya bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak bukan sahaja sebagai hiburan santai tetapi turut menerapkan nilai tanggungjawab dalam kehidupan seharian. Tanggungjawab berkenaan bukan sekadar terhadap

kepentingan sendiri tetapi merangkumi tanggungjawab membantu orang lain, tanggungjawab menjaga maruah agama, bangsa dan negara. Kajian tentang warisan budaya masyarakat Melayu Sarawak ini diharap dapat didokumentasikan agar warisan budaya ini tidak lenyap ditelan zaman.

Kata Kunci:

Bermukun, Bergendang, Masyarakat Melayu Sarawak, Majlis Perkahwinan, Majlis Berkhatan

Abstract:

The pantun in the culture of bermukun and bergendang the Sarawak Malay society is one of the heritages that has been filling in entertainment activities sometime around the 1960s. Usually, this activity is held to enliven feasts like wedding ceremonies and circumcision ceremonies held in the Malay society village. The pantun presented in this bermukun and bergendang activity serves as a medium to entertain, conveying the wishes of the tukang gendang and penandak to delivering specific messages to listeners or spectators. The rapidly changing movement of globalization between the causes of bermukun and bergendang activities of the lesser-known and practiced new generation of Sarawak Malay society. This phenomenon allows this activity to buried and disappear from the knowledge of a new generation. Recognizing the importance of bermukun and bergendang activity, a study was conducted on the activities of bermukun and bergendang for the Sarawak Malay society. This study is aimed to identifying the culture of bermukun and bergendang in Sarawak Malay society to sustainable as the platforms of responsibility value application. This study uses interviews, observations, and documentation review. The findings of this study show that the culture of bermukun and bergendang of the Sarawak Malay society not only as casual entertainment but also to apply the value of responsibility in their daily lives. Responsibilities concerning not only against his own interests but encompassing the responsibilities of helping others, the responsibility of safeguarding the dignity of their religion, race, and country. A study on cultural heritage society Sarawak Malay is expected to document some of this cultural heritage does not fade in time.

Keywords:

Bermukun, Bergendang, Sarawak Malay Society, Wedding Ceremony, Circumcision Ceremony

Pendahuluan

Budaya bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak bermula sejak era pemerintahan Brooke (1841-1941). Budaya berkenaan mula berkembang di negeri Sarawak sekitar abad ke- 19 (Abang Seruji dan Sarbanun Marican, 2004). Bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak wujud untuk mendidik budaya berbahasa dan juga mendidik akhlak menerusi pantun dan tandak (tarian) mudah. Pantun dalam aktiviti bermukun dan bergendang merupakan platform yang digunakan oleh sesetengah masyarakat Melayu di Sarawak untuk menghiburkan hati. Melalui acara bermukun dan bergendang ini, maka lahirlah aktiviti menzahirkan pantun-pantun yang dialunkan oleh si tukang gendang (wanita) sambil dipenuhi dengan aksi berbalas pantun oleh penandak (lelaki). Instrumen muzik tradisional seperti gendang dan biola juga turut digunakan untuk menghasilkan melodi yang indah di samping alunan pantun-pantun yang disampaikan. Kebiasaannya tradisi ini diadakan untuk

memeriahkan lagi majlis perkahwinan terutamanya di kampung-kampung. Pantun-pantun yang dialunkan semasa aktiviti bermukun dan bergendang ini mempunyai peranan tertentu. Antaranya adalah untuk berhibur secara santai, menyampaikan hasrat hati antara tukang gendang dan penari. Selain itu, pantun yang dialunkan juga dijadikan sebagai wadah untuk menyampaikan mesej tertentu yang berbentuk nilai positif.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pantun dalam budaya bermukun dan bergendang berupaya untuk dilestarikan dalam masyarakat Melayu Sarawak. Selain itu, kajian ini juga menganalisis pantun sebagai wadah untuk menerapkan nilai tanggungjawab.

Sorotan Karya

Berdasarkan karya terdahulu yang telah dilakukan didapati bahawa kajian khusus tentang pembentukan nilai murni sebagai sarana mesej dalam pantun bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak belum lagi dikaji oleh pengkaji tempatan dan luar negeri. Setakat ini kajian tentang pantun bermukun dan bergendang dilakukan lebih kepada kajian secara umum tentang pantun bermukun, menghimpunkan koleksi pantun dan kajian yang berkaitan aspek percintaan, kias dan ibarat yang terdapat dalam pantun Melayu Sarawak. Maka adalah penting kajian ini dilakukan terutamanya aspek berkaitan pembentukan nilai murni sebagai sarana mesej dalam pantun bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak.

Kajian berkaitan dengan pantun pernah dilakukan oleh pengkaji tempatan dan luar negeri. Antara pengkaji yang pernah melakukan kajian pantun ialah Hashim Abd. Hamid (2001) yang mengkaji tentang Pantun Melayu Brunei. Mohd. Rashid Md Idris (2011) tentang Nilai Melayu dalam Pantun. Kajian-kajian berkaitan dengan Pantun Bermukun dan Bergendang Masyarakat Melayu Sarawak pula telah dilakukan oleh pengkaji tempatan. Antaranya Abang Seruji dan Sarbanun Marican (2004) yang menghasilkan kajian tentang Himpunan Pantun Melayu Sarawak, Latifah Mohd. Sabli (2009) berkaitan Pantun Melayu Sarawak, Mohd. Fauzi Abdullah Abd. Hamid Mukri, Roselan Bakri Omar Mamat, Raja Ahmad, Raja Musa dan Ahmad Shahril Rajain (2002) mengkaji tentang Pemikiran Cinta Bermukun Dalam Gendang Melayu Sarawak. Pengkaji lain yang mengkaji berkaitan bergendang dan bermukun adalah Mary Fatimah Subet dan Salbiah Hassan (2014) dengan kajian bertajuk Bergendang dan Bermukun Dalam Masyarakat Melayu Sarawak manakala kertas kerja berkaitan Kias dan Ibarat Dalam Pantun Melayu: Nilai Pendidikan dan Teladan juga pernah dikaji oleh Hazami Jahari (2009).

Abang Seruji dan Sarbanun Marican (2004) telah mengkaji dan mengumpul Himpunan Pantun Melayu Sarawak. Mereka mengkaji dan mengumpul sebanyak 803 buah pantun yang bertemakan percintaan. Kumpulan pantun ini pantun Melayu Sarawak ini dihasilkan dengan tujuan untuk didokumentasikan agar khazanah seni dan budaya ini tidak lenyap ditelan zaman. Berdasarkan himpunan pantun Melayu Sarawak yang dijadikan koleksi didapati bahawa pantun percintaan berperanan juga sebagai hiburan, alat komunikasi dalam upacara pertunangan, melahirkan perasaan dan menyampaikan mesej berbentuk nasihat.

Latifah Mohd. Sabli (2009) telah mengkaji dan menghasilkan koleksi Pantun Melayu Sarawak. Beliau telah mengumpul sebanyak 660 buah pantun dalam buku Pantun Melayu Sarawak. Terdapat pantun yang dikumpul merupakan pantun yang dikarang oleh pemantun sekitar 1950-an sehingga tahun 1960-an. Pantun-pantun bermukun berkenaan tidak pernah diterbitkan.

Pantun-pantun berkenaan mencerminkan keadaan kehidupan orang Melayu zaman dahulu dengan budaya dan sosioekonomi mereka selepas Perang Dunia Kedua. Antara tema pantun yang dikumpul berkisar tentang pantun Nasihat, pantun Setia Kasih dan pantun Mengenang Nasib. Diksi yang digunakan dalam pantun bermukun dan bergendang kebanyakannya mempunyai kaitan dengan cara kehidupan, kebudayaan dan sosioekonomi penduduk di Sarawak ketika itu. Antaranya nama tempat seperti kampung Surabaya, kampung Pulo, kampung Panglima Seman. Selain itu, penggunaan diksi menggunakan simbol flora dan fauna seperti bunga-bunga, lalang, ayam, kerbau, burung dan sebagainya.

Mohd. Fauzi Abdullah Abd. Hamid Mukri et al.,(2002) telah melakukan kajian berkaitan Pemikiran Cinta Bermukun Dalam Gendang Melayu Sarawak memaparkan kajian tentang isi dan falsafah pemikiran yang terkandung dalam mukun atau pantun berkenaan. Kajian ini telah dilakukan di Kuching, Sadong Jaya dan Sri Aman, Sarawak. Seramai 11 orang informan ditemu bual untuk mendapatkan maklumat berkaitan bermukun dan sejumlah 110 rangkap pantun telah dianalisis. Dapatan kajian ini mendapati bahawa mukun atau pantun yang dicipta atau dilafazkan secara spontan dan bersahaja itu berguna sebagai sarana untuk menghibur, mendidik, dan mengkritik peri laku ahli masyarakat. Isi pemikiran pantun dalam gendang Sarawak didominasi oleh pantun-pantun cinta. Berdasarkan analisis terhadap bahan, hujahan yang dibuat untuk menggambarkan kepelbagaian isi pemikiran bermula dengan konsep cinta, kegigihan, rebutan, penghargaan kesetiaan, cumbuan, penduaan, pinggiran, perpisahan dan dendam cinta. Hal ini menjelaskan bahawa cinta insani ialah suatu bentuk perasaan yang kompleks serta mempunyai nilai dan tafsiran yang relatif-subjektif bergantung kepada persepsi terlibat. Selain itu, kupasan juga dilakukan terhadap pemikiran dan tanggapan cinta masyarakat melalui pantun atau mukun yang bertemakan seni, pertiwi dan ilahi.

Secara ringkasnya, hampir kesemua kajian yang dianalisis dan diperhatikan ini melibatkan kajian teks, kajian lapangan dan maklumat daripada beberapa sumber lain. Sorotan karya ini juga menunjukkan bahawa pantun masyarakat Melayu Sarawak banyak menerapkan elemen berbentuk positif seperti kata nasihat dan hampir keseluruhan pantun yang dianalisis lebih menjurus tema percintaan pasangan teruna dan dara. Namun demikian, terdapat juga pantun bertemakan semangat cinta kepada tanah air. Selain itu, terdapat juga pantun yang menyentuh inti pati lain, antaranya aspek agama, status sosial, keturunan, lokasi, kekeluargaan, pekerjaan dan nilai sosio budaya masyarakat Melayu Sarawak.

Metodologi

Data kajian ini diperoleh daripada temu bual informan di bandar Kuching dan informan di bahagian Bintulu, Sarawak. Selain itu, kaedah pemerhatian di kawasan lapangan serta kaedah semakan dokumentasi turut digunakan untuk mendapatkan informasi berkaitan aktiviti bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak. Selain itu, penyelidik juga menganalisis dua teks berkaitan pantun dalam aktiviti bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak. Teks berkenaan ialah Pantun Melayu Sarawak (2009) yang memuatkan sebanyak 660 buah rangkap pantun dan Himpunan Pantun Melayu Sarawak 1 (2004) memuatkan 803 buah rangkap pantun. Pantun masyarakat Melayu Sarawak dianalisis untuk mengenal pasti budaya bermukun ini dijadikan sebagai wadah untuk menyampaikan mesej nilai-nilai murni. Namun demikian, untuk kertas kerja ini skop analisis pantun hanya memilih secara rawak lapan (8) rangkap pantun yang memfokuskan mesej tentang nilai tanggungjawab.

Definisi dan Konsep

Pantun

Kosa kata pantun telah dihuraikan maknanya mengikut takfsiran beberapa pengkaji. Antara definisinya dihuraikan seperti berikut. Pantun merupakan kaedah karangan berangkap yang jati, selalu digunakan oleh orang Melayu kampung terutama untuk menggambarkan fikiran yang hiba, sayu dan perasaan yang indah-indah (Zainal Abidin Ahmad, 1965). Pantun bermaksud sesuatu yang teratur, tersusun dan suatu karangan yang bahasanya terikat atau tidak (Harun Mat Piah, 1989).

Pantun didefinisikan sebagai puisi lama yang biasanya terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap, iaitu dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan yang selainnya mengandungi maksudnya (Dewan Bahasa & Pustaka, 2007).

Pantun ialah cetusan hati nurani, pemikiran, pandangan hidup dan alam, kebijaksanaan dan kreativiti masyarakat Melayu. Melalui acara bermukun ini, maka lahirlah aktiviti menzahirkan pantun-pantun yang dialunkan oleh si tukang gendang (wanita) sambil dipenuhi dengan aksi berbalas pantun oleh penandak (lelaki) manakala Bermukun pula ialah acara berbalas pantun secara spontan antara tukang gendang dengan penandak (harus bertandak mengikut irama dan rentak yang dimainkan oleh tukang gendang (Abang Seruji Abang Muhi, 2014).

Bermukun dan Bergendang

Mary Fatimah Subet (2014) menjelaskan bahawa persembahan bermukun dan bergendang adalah masa yang dinantikan oleh anak-anak muda untuk mencari jodoh dan berkenal-kenalan pada zaman dahulu. Ketiadaan teknologi komunikasi pada zaman dahulu juga menyebabkan masyarakat menggunakan persembahan bermukun, iaitu ketika kebanyakan masyarakat sekitar berkumpul. Pada majlis tersebut, masyarakat juga boleh berbincang tentang soal duniawi mahupun akhirat, kerana hanya pada masa tersebut sahaja mereka boleh berkumpul beramai-ramai sambil menenangkan fikiran.

Abang Seruji Abang Muhi (2014) menyatakan bahawa Pantun merupakan cetusan hati nurani, pemikiran, pandangan hidup dan alam, kebijaksanaan dan kreativiti masyarakat Melayu. Melalui acara bermukun ini, maka lahirlah aktiviti menzahirkan pantun-pantun yang dialunkan oleh si tukang gendang (wanita) sambil dipenuhi dengan aksi berbalas pantun oleh penandak (lelaki) manakala Bermukun pula ialah acara berbalas pantun secara spontan antara tukang gendang dengan penandak (harus bertandak mengikut irama dan rentak yang dimainkan oleh tukang gendang)

Nilai dan Tanggungjawab

Menurut Wan Abdul Kadir (2000) Nilai dinyatakan sebagai ukuran yang diberikan oleh individu tentang sesuatu atau perlakuan baik atau buruk, halus atau kasar, tinggi atau rendah, dan cantik atau tidak berasaskan kepada kelaziman atau kebiasaan dalam sesuatu masyarakat. Anggota masyarakat dapat menyatakan ukuran nilai dalam menentukan sesuatu atau perlakuan berasaskan kepada pengalaman yang diterimanya melalui proses sosialisasi.

Nilai juga diertikan sebagai konsep yang dijadikan asas oleh masyarakat untuk melihat, mengukur atau membuat pilihan terhadap sesuatu perkara, darjat, mutu, kualiti dan taraf

perilaku seseorang atau kelompok orang sebagai baik, berharga dan bernilai. (Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2013: hal.2)

Tanggungjawab pula dirujuk sebagai menerima hakikat akauntabiliti akhir adalah terhadap Tuhan, pekerjaan dan majikan; melakukan tugas dengan kesedaran terhadap implikasi baik dan buruknya iaitu sentiasa waspada dan jujur; bersedia berkhidmat dan menghulurkan bantuan bila-bila sahaja diperlukan; bersedia untuk menjaga maruah agama, bangsa dan negara dan tidak mengkhianati kepentingan organisasi / institusi / awam dalam menjalankan tugas. (Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, 2013).

Analisis dan Perbincangan Pantun Sebagai Wadah Penerapan Nilai Tanggungjawab

Pantun yang dialunkan dalam aktiviti bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak dianalisis berdasarkan elemen nilai murni yang diterapkan berdasarkan Prinsip Nilai-Nilai Murni yang digariskan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2013). Nilai-nilai murni berkenaan diterima oleh masyarakat Malaysia adalah nilai-nilai sejagat yang dituntut oleh agama, kepercayaan, adat resam dan kebudayaan. Namun demikian, kertas kerja ini hanya memaparkan satu prinsip nilai sahaja, iaitu nilai tanggungjawab daripada 18 Prinsip Nilai-nilai Murni (2013).

Kertas kerja ini hanya menganalisis dan memfokuskan pantun yang mempunyai nilai tanggungjawab. Ini kerana elemen nilai tanggungjawab yang ada dalam diri setiap insan itu mampu menjadi tunjang dalam mengemudikan aspek kehidupan manusia yang agak kompleks. Dengan mempunyai nilai tanggungjawab dalam jati diri seseorang insan akan mampu membentuk mereka untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan baik. Justeru itu, penerapan nilai yang terkandung dalam pantun berkenaan dapat dijadikan sebagai garis panduan dan teladan dalam menjalani kehidupan seharian. Bahagian ini akan menghuraikan lapan (8) rangkap pantun sahaja yang dijadikan sebagai contoh berdasarkan aspek seperti yang terkandung dalam konteks takrif tanggungjawab dalam Prinsip Nilai-Nilai Murni (2013).

(1) *Halia ini tanam-tanaman,
Ke barat juak akan condongnya;
Dunia ini pinjam-pinjaman,
Akhirat juak akan sunggohnya.*
(R1/03.02.16/Temu bual)

Berdasarkan contoh (1), pantun yang memaparkan 4 baris dalam serangkap pantun menggunakan diksi halia yang dipilih sebagai simbol pada pembayang baris pertama. Pemilihan tumbuhan berkenaan dalam rangkap pantun ada kaitan dengan halia yang merupakan herba tradisi serta banyak digunakan dalam masakan masyarakat Melayu. Halia merupakan sejenis tumbuhan yang mempunyai rasa pedas, memberi aroma wangi dan sebagai penambah rasa dalam masakan serta membantu membuang bau hanyir untuk masakan ayam, ikan dan daging. Halia juga sangat dekat dengan masyarakat Melayu kerana ia dikatakan banyak mempunyai khasiat serta mudah tumbuh di halaman rumah terutamanya di kawasan perkampungan.

Selain memaparkan simbolik tentang penggunaan tumbuhan sebagai diksi dalam bait-bait rangkap pembayang pantun, mesej juga tidak lupa diselitkan dalam penyampaian pantun berkenaan. Berdasarkan maksud contoh pantun (1) yang dipaparkan, iaitu: ***Dunia ini pinjam-***

pinjaman, Akhirat juak akan sunggohnya. Pantun ini menjelaskan bahawa dunia ini hanya sekadar pinjaman bersifat sementara daripada Tuhan yang maha esa kepada seluruh umat manusia. Oleh yang demikian, hanya alam akhirat yang kekal abadi. Mesej yang disampaikan memberi peringatan bahawa setiap insan di dunia mempunyai tanggungjawab bukan sahaja di dunia tapi juga tanggungjawab untuk bekalan di akhirat. Manusia bukan sekadar memenuhi tanggungjawab untuk berjaya dalam pelajaran, kerjaya dan mengumpul harta kekayaan serta patuh kepada majikan sahaja. Namun demikian, mesej yang diselitkan dalam 2 baris maksud pantun adalah memberi penekanan terhadap tanggungjawab setiap insan terhadap tuhan yang maha esa, tuhan yang mencipta sekalian alam. Ini kerana segala kenikmatan dan kesenangan di dunia hanyalah pinjaman sahaja. Oleh yang demikian, setiap insan di dunia ini sepatutnya mempunyai tanggungjawab serta patuh kepada ajaran tuhan. Alam yang kekal abadi adalah alam akhirat. Setiap manusia wajib melaksanakan tanggungjawab terhadap tuhan yang maha esa, iaitu patuh pada ajaranNya dan menghindarkan segala laranganNya. Dengan melaksanakan tanggungjawab berkenaan, ia dianggap sebagai persediaan bekalan untuk alam akhirat nanti. Secara tuntasnya, pantun ini menerapkan nilai tanggungjawab agar manusia melaksanakan dan patuh kepada perintah Allah SWT.

(2) *Cina bukan Melayu bukan,
Itu bernama si Jawi Pekan;
Dari dahulu saya berpesan,
Buah mabuk jangan dimakan.*
(Abg Seruji & Sarbanun, 2004: hal.23)

Contoh pantun (2) pula turut memaparkan serangkap pantun yang mempunyai 4 baris. Pembayang baris pertama dan baris kedua pantun menggunakan diksi yang merujuk bangsa, iaitu Cina, Melayu dan Jawi Pekan sebagai simbol. Pemilihan tiga diksi merujuk bangsa yang merupakan penduduk di Malaysia. Jawi Pekan pula merujuk masyarakat campuran Jawi Peranakan, iaitu kacukan Melayu dengan etnik India di bahagian utara iaitu Arab, Punjabi, Benggali, Turki, Parsi, Gujerati dan Afghani. Masyarakat ini terbentuk pada zaman Malaya British apabila saudagar dari India berkahwin dengan wanita Melayu tempatan. Diksi yang menjadi pilihan dalam pantun berkenaan menggambarkan Malaysia dihuni pelbagai kaum. Kepelbagaian kaum itu mencerminkan keharmonian bangsa yang menunjukkan masing-masing bertanggungjawab menjaga keamanan negara.

Di samping pemilihan diksi yang mempunyai nilai tersurat berkaitan bangsa, baris 3 dan baris 4 pula yang merupakan maksud pantun yang memaparkan penerapan nilai tersirat. Berdasarkan maksud pantun berkenaan, iaitu *Dari dahulu saya berpesan, Buah mabuk jangan dimakan*, yang menggambarkan mesej yang hendak disampaikan adalah tentang sikap seseorang insan yang saling mengingatkan antara satu sama lain. Sikap berkenaan merupakan salah satu nilai tanggungjawab yang patut diterapkan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, sikap berkenaan juga wajar dilakukan untuk memberi kesedaran dan saling mengingatkan antara satu sama lain. Setiap insan seharusnya sentiasa mendengar nasihat dan berwaspada akan perkara yang mendatangkan implikasi buruk sekiranya dilakukan tanpa berfikir dengan rasional. Ringkasnya, pantun berkenaan menerapkan nilai bertanggungjawab sesama insan supaya sama-sama menghindari perkara yang boleh memudaratkan diri seseorang.

(3) *Ku tanam selasih di tepi halaman,
Pandan berduri pandan mengkuang;*

*Ku tinggal kekasih ku tinggal teman,
Ke medan ilmu aku berjuang.*

(Latifah Mohd. Sabli, 2009: hal.135)

Pantun contoh (3) terdiri daripada serangkap pantun yang mempunyai 4 baris. Dua jenis tumbuhan dijadikan sebagai diksi, iaitu selasih dan pandan. Selasih adalah sejenis pokok ulam saka yang terdapat di kawasan beriklim tropika dan berasal dari India. Pandan pula merupakan sejenis pokok yang banyak kegunaannya. Antaranya sebagai pewangi makanan dan digunakan sebagai bunga rampai dalam istiadat perkahwinan masyarakat Melayu. Disebabkan tumbuhan berkenaan mudah ditanam di halaman rumah terutamanya di kawasan perkampungan dan banyak kegunaannya, maka diksinya dijadikan sebagai simbolik dalam pantun.

Berdasarkan pantun tersebut, penerapan nilai tanggungjawab turut diselitkan dalam maksud pantun yang terdapat pada baris 3 dan baris 4, iaitu ***Ku tinggal kekasih ku tinggal teman, Ke medan ilmu aku berjuang.*** Tanggungjawab menuntut ilmu sangat penting demi untuk masa depan. Bertitik tolak dari itu, sebagai insan yang bertanggungjawab, pengorbanan terpaksa dilakukan dan sanggup berpisah dengan kekasih dan teman. Pantun ini juga menerapkan nilai tanggungjawab sebagai seorang pelajar untuk menuntut ilmu perlu diberi keutamaan. Ini kerana kepentingan mencari ilmu demi masa depan yang cerah wajar diberi keutamaan berbanding dengan perkara lain yang tidak mendatangkan faedah.

*(4) Sayang Sebandi pasirnya lumat,
Pasir bercampur kerebung lokan;
Bagei Nabi Kasihkan umat,
Begitu saya kasihkan tuan.*

(Abg Seruji & Sarbanun, 2004: hal.21)

Berdasarkan contoh pantun (4) yang dipaparkan di atas, dua baris pembayang memilih diksi nama tempat dan sejenis makanan laut sebagai simbol, iaitu Sebandi dan lokan. Sebandi merupakan salah sebuah penempatan di bahagian Asajaya di Sarawak. Perkataan 'Sebandi' dikatakan berasal daripada perkataan 'ban' yang bermaksud jalan kecil yang ditimbus untuk memudahkan orang pergi ke sawah padi atau ke kebun yang berpaya. 'Lokan' pula sejenis makanan laut yang mudah diperolehi di pesisir laut. Disebabkan lokasi 'Sebandi' itu berada di Sarawak manakala 'lokans' pula agak mudah diperolehi di pesisir laut di Sarawak, maka kedua-dua diksi berkenaan dipilih dan dijadikan sebagai simbol bagi pantun berkenaan.

Dua baris terakhir bagi rangkap pantun berkenaan menunjukkan maksud pantun, iaitu ***Bagei Nabi kasihkan umat, Begitu saya kasihkan tuan.*** Berdasarkan frasa berkenaan, diksi Nabi merujuk Nabi Muhammad s.a.w. iaitu seorang rasul yang agung. Beliau adalah seorang insan biasa yang diturunkan kepadanya wahyu, namun pada masa yang sama memiliki segala nilai-nilai insani yang murni di dalam dirinya. Mesej yang diterapkan pada maksud pantun berkenaan adalah mengingati kita agar sentiasa mencontohi akhlak dan keperibadian yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pedoman dalam menempuh kehidupan di dunia. Di samping itu, pantun tersebut juga menerapkan nilai sikap bertanggungjawab dan sentiasa mengasihi insan lain. Sebagai insan biasa, seseorang itu sepatutnya sentiasa berbuat baik terhadap insan lain.

(5) *Buah manggis buah berangan,
Diambik dari kebun Pak Assan;
Orang miskin dilupak jangan,
Tanda kasih sesama insan.*

(R3/07.02.16/Temu bual)

Diksi manggis dan berangan dijadikan sebagai perlambangan dalam pantun contoh (5) di atas. Dua jenis buah berkenaan merupakan buah yang mudah diperoleh di kawasan perkampungan dan hutan di Sarawak. Disebabkan dekatnya hubungan antara buah berkenaan dengan penduduk sekitar, maka diabadikan diksinya menerusi bait-bait dalam pantun.

Di sebalik menggunakan diksi buah dalam pembayang pantun, turut diterapkan juga mesej yang berbentuk nilai murni menerusi baris 3 dan baris 4 yang memaparkan frasa ***Orang miskin dilupak jangan, Tanda kasih sesama insan.*** Berdasarkan dua baris maksud tersebut, diselitkan penerapan nilai yang amat sesuai dijadikan sebagai pedoman hidup. Sebagai insan yang dikurniakan rezeki yang lebih daripada Allah SWT, maka adalah menjadi tanggungjawab untuk tidak melupakan insan lain yang didugakan dengan kesusahan hidup. Oleh yang demikian, sikap prihatin dengan menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan pertolongan pada bila-bila masa amat dituntut dan sangat dititikberatkan dalam Islam. Apatah lagi sekiranya keprihatinan terhadap insan yang perlukan pertolongan itu dapat membantu meringankan kesusahan mereka. Berdasarkan pantun tersebut jelas menggambarkan bahawa orang yang susah tidak patut dilupa dan dibiarkan tanpa pertolongan. Selain itu, tanggungjawab membantu insan yang susah sebagai penanda aras bahawa hubungan silaturahim terjalin dan wujudnya sifat mengasahi insan lain yang diuji dengan kesusahan. Berdasarkan pantun ini jelas menggambarkan bahawa penerapan nilai tanggungjawab membantu insan lain yang menghadapi kesusahan hidup wajar diberi pertolongan.

(6) *Buat sambal buah pedada,
Makan bersama sayur sawi;
Udah penuh ilmu di dada,
Pulang segera ke pangkuan pertiwi.*

(R2/05.02.16/Temu bual)

Buah pedada dan sayur sawi merupakan diksi yang dipilih sebagai simbol untuk pembayang pantun bagi contoh (6). Pemilihan diksi berkenaan ada kaitan dengan mudahnya buah dan sayur berkenaan diperoleh di perkampungan Melayu di Sarawak. Pokok pedada sebenarnya banyak tumbuh di Sarawak terutamanya di kawasan berhampiran sungai dan dekat dengan laut. Buah pedada muda boleh dibuat sambal dan dimakan bersama nasi. Selain itu, buah mudanya berasa lemak-lemak masam manakala pucuk muda pokok pedada boleh dimakan mentah atau dicelur dan dicecah bersama sambal belacan. Sayur sawi pula agak mudah tumbuh subur untuk dijadikan sebagai menu hidangan.

Berdasarkan rangkai kata pada baris 3 dan baris 4 pantun, iaitu ***Udah penuh ilmu di dada, Pulang segera ke pangkuan pertiwi.*** secara jelas memberi nasihat atau peringatan secara santai kepada golongan anak muda. Rangkai kata pantun tersebut bermaksud agar golongan anak muda yang melanjutkan pengajian di pusat pengajian tinggi atau menuntut ilmu di mana sahaja supaya tidak lupa kembali berkhidmat ke tempat asal atau ke tanah air setelah tamat pengajian. Peringatan santai ini ditujukan kepada golongan anak muda kerana terdapat

segelintir daripada mereka enggan kembali ke tempat asal atau tanah air walaupun telah tamat pengajian. Penerapan nilai yang dipaparkan menerusi pantun berkenaan adalah tentang tanggungjawab golongan anak muda yang telah tamat pengajian agar menyumbangkan kepakaran atau khidmat bakti kepada tanah air. Tanggungjawab berkhidmat dan menyumbangkan tenaga serta kepakaran setelah berjaya dalam pengajian wajib dilakukan untuk membangunkan negara tercinta.

(7) *Kayuh sampan sampai ke jeti,
Punggah barang berkati-kati;
Bila sampai hajat di hati,
Baru ku pulang menabur bakti.*
(Latifah Mohd. Sabli, 2009: hal. 136)

Sampan dan jeti dijadikan sebagai diksi yang menjadi simbol dalam pembayang bagi pantun. Ini kerana kedua-dua diksi berkenaan agak dekat dengan penduduk di Sarawak yang merupakan negeri yang mempunyai sungai sebagai nadi pengangkutan. Sampan boleh dijumpai di mana-mana bahagian di negeri Sarawak manakala jeti juga sudah semestinya wujud. Ini kerana kebiasaannya di sepanjang sungai Sarawak sampan dan jeti sering kelihatan. Di mana ada jeti, di situ juga ada kelihatan sampan-sampan. Disebabkan dekatnya hubungan sungai, sampan dan jeti dalam kehidupan penduduk Sarawak terutama yang tinggal di kawasan pesisir sungai, maka diksi berkenaan dijadikan sebagai simbol dalam bait-bait pantun untuk mendidik masyarakat.

Di samping menggunakan diksi yang sesuai dan mempunyai irama yang sedap didengar, pantun berkenaan juga menjadikan bait-baitnya dijadikan platform untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Rangkaian kata ***Bila sampai hajat di hati, Baru ku pulang menabur bakti*** bermaksud setelah memperoleh sesuatu yang dikehendaki, baharulah mengambil kesempatan untuk balik berkhidmat menabur bakti. Kebiasaannya golongan anak muda gemar berhijrah dari kampung ke bandar atau ke luar negeri untuk menuntut ilmu atau mencari pengalaman hidup. Setelah impian mencari ilmu atau mencari pengalaman tercapai, mereka akan pulang ke tempat asal untuk mengaplikasikan ilmu dan pengalaman yang diperoleh untuk memberi sumbangan berkhidmat kepada negara. Di sebalik pantun berkenaan diungkapkan kepada pendengar, terselit juga pedoman untuk dijadikan garis panduan dalam hidup. Pantun contoh (7) menerapkan nilai tanggungjawab seseorang terutamanya generasi muda agar sentiasa melaksanakan tanggungjawab untuk berkhidmat membangunkan negara. Peluang dan ruang yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk mencari ilmu dan pengalaman berguna sewajarnya digunakan untuk memberi sumbangan kepada negara tercinta.

(8) *Indah berseri laman mak Munah,
Ditanam dengan Anggerik dan Melati;
Lakukan tugas dengan amanah,
Agar hidup sentiasa diberkati.*
(R1/03.02.16/Temu bual)

Diksi flora seperti nama bunga, sudah menjadi kebiasaan dalam pantun Melayu. Begitu juga dengan pantun contoh (8) di atas. Diksi bunga Anggerik dan bunga Melati dijadikan sebagai simbol untuk mengindahkan lagi irama pantun berkenaan. Bunga seperti Anggerik dan Melati

biasa dijumpai di halaman rumah di kawasan perkampungan. Oleh yang demikian, diksi berkenaan dijadikan antara pilihan untuk dijadikan dalam rangkap pantun.

Rangkaian kata ***Lakukan tugas dengan amanah, Agar hidup sentiasa diberkati***, menjelaskan maksud agar setiap individu melakukan tugas yang diberikan dengan jujur dan amanah. Ini kerana setiap perbuatan baik seseorang itu akan dibalas dengan kebaikan juga. Lantaran itu, pantun contoh (8) di atas menerapkan mesej agar setiap insan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah. Ini kerana tugas yang dilakukan dengan amanah itu akan menjadikan kehidupan seseorang diberkati oleh tuhan yang esa. Pantun berkenaan diungkapkan bukan sekadar untuk hiburan semata-mata, namun menyelitkan penerapan nilai tanggungjawab agar menjalankan tugas dengan amanah. Di sebalik ungkapan amanah dalam menjalankan tugas terselit juga impak amalan berkenaan dalam kehidupan, iaitu keberkatan daripada Allah SWT.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kertas kerja ini membincangkan nilai tanggungjawab dalam pantun bermukun dan bergendang yang dilafazkan secara lisan sewaktu meraikan majlis perkahwinan dan majlis berkhatan masyarakat Melayu Sarawak yang terkenal suatu waktu dahulu. Bermukun dan bergendang merupakan salah satu hiburan santai yang mendidik, menghibur, mengkritik perilaku masyarakat dan menyelitkan elemen nilai murni. Elemen nilai murni tersebut diselitkan dalam baris pembayang dan baris maksud pantun. Berdasarkan analisis kajian dalam kertas kerja ini, didapati bahawa pantun bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak memaparkan nilai murni yang menjurus nilai tanggungjawab untuk dijadikan teladan generasi seterusnya. Mesej dalam pantun berkenaan terutamanya baris 3 dan baris 4 pantun dijadikan wadah dan ilmu berguna berkaitan nilai tanggungjawab yang dipaparkan melalui aktiviti bermukun dan bergendang. Pengetahuan tentang tanggungjawab dapat disampaikan serta dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan seharian. Platform secara bermukun dan bergendang juga dapat menterjemahkan pantun secara tersurat dan tersirat tentang hati budi masyarakat Melayu Sarawak yang sangat mementingkan nilai tanggungjawab sepertimana masyarakat lain di Malaysia. Keindahan bahasa dan pemilihan diksi yang bersesuaian dengan elemen nilai murni dalam pantun bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak juga dapat dijadikan sebagai wadah menyampaikan mesej. Di samping itu, pantun ini juga dijadikan platform bagi menerapkan sikap serta semangat kebertanggungjawaban terhadap diri, bangsa dan agama. Diharapkan juga dengan melestarikan aktiviti bermukun dan bergendang dalam majlis perkahwinan, majlis kenduri berkhatan serta disiarkan melalui media elektronik dapat menyedarkan generasi baharu tentang pentingnya budaya bermukun dan bergendang agar tidak diancam kepupusan di samping dapat menerapkan nilai yang positif.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan Skim Geran Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) yang dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia di bawah No geran: 13126, setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Malaysia.

Rujukan

- Abg. Seruji Abg. Muhi. (2014). Nilai-nilai murni dalam pantun Sarawak. dlm. *Jendela Sarawak*, Bil. 34, 2014.
- Abg. Seruji Abg. Muhi dan Hajah Sarbanun Marican. (2004). *Himpunan Pantun Melayu Sarawak*. Kuching, Sarawak: Yayasan Budaya Melayu Sarawak.
- Abdullah Haji Saidol. (2012). *Pelihara Seni Pantun dan Budaya*. Dicapai pada 20 Oktober 2016

- daripada <http://www.harianbelawai.com/2012/12/peliharaan-seni-pantun-dan-budaya.html>
Bergendang dan Bermukun Dalam Masyarakat Melayu Sarawak oleh Mary Fatimah Subet dan
Salbiah Hassan. Dicapai pada 23 Ogos 2014 daripada
[http://www.academia.edu/3211769/Bergendang dan bermukun dalam masyarakat
Melayu Sarawak](http://www.academia.edu/3211769/Bergendang_dan_bermukun_dalam_masyarakat_Melayu_Sarawak)
- Chadwick, R.J. (1994). Unconsummated Metaphor in the Minangkabau Pantun. *Indonesia Circle, No.62*. Oxford University: London.
- Dewan Bahasa & Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Pengarang.
- Francois Rene Daillie, (1988), *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hazami Jahari. (2009). *Kias dan ibarat dalam pantun Melayu: Nilai pendidikan dan teladan*. Kertas kerja seminar.
- Latifah Mohd. Sabli. (2009). *Pantun Melayu Sarawak*. Kuching, Sarawak: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.
- Leech, Geoffrey, N., (1983). *Principles of Pragmatics*. London: Longman.
- Mohammad Syawal Narawi. (2015). Pantun Bermukun Melayu Sarawak: Penerapan Budaya Kesantunan, *Bahasa Melayu dalam Konteks Budaya*, Perak darul Rizuan: UPSI
- Mohammad Syawal Narawi. (2016). Nilai Murni Dalam Bermukun dan Bergendang Masyarakat Melayu Sarawak . *Proceeding of ICECRS*. International Seminar UUM-UMSIDA, UUM, Sintok Kedah. 1(1), 1 - 11.
- Mohammad Syawal Narawi. (2016). Budaya Bermukun dan Bergendang Masyarakat Melayu Sarawak: *Warisan Sejarah Lisan. International Seminar on Oral History Through Perspective of Heritage*, Bara Resort, Satun Thailand. 1(1), 1 - 15.
- Mohammad Syawal Narawi. (2017). Keindahan Pantun Percintaan Dalam Budaya Bermukun dan Bergendang Masyarakat Melayu Sarawak. *Memperindah Bahasa Memperkaya Budaya*. Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Kelima. Uzbek State World Languages University, Uzbekistan.1(1), 283 - 288
- Mohammad Syawal Narawi. (2019). *Simbol Nama Tempat Dalam Pantun Budaya Bermukun dan Bergendang Masyarakat Melayu Sarawak*, Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM: UPM.
- Mohammad Syawal Narawi, Mardzelah Makhsin & Nor Hasimah Ismail. (2020). Malay Pantun for Educating: The Platform to Teach History Knowledge. *The International Research Association for Talent Development and Excellence (IRATDE)*.12(1), 5473-5479
- Mohd. Fauzi Abdullah Abd. Hamid Mukri, Roselan Bakri Omar Mamat, Raja Ahmad Raja Musa dan Ahmad Shahril Rajain (2002). *Pemikiran Cinta Bermukun Dalam Gendang Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Institut Bahasa Melayu Malaysia.
- Pemikiran Cinta Bermukun Dalam Gendang Melayu Sarawak oleh Roselan Baki. Dicapai pada 23 Ogos 2014 daripada
[http://www.academia.edu/584651/Pemikiran Cinta Dalam Gendang Melayu Sarawak](http://www.academia.edu/584651/Pemikiran_Cinta_Dalam_Gendang_Melayu_Sarawak)
- Razali Haji Yu (2010). *Kajian Budaya Bergendang di Kalangan Orang Melayu Sarawak*. Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching.
- Tuah Matnor dan Zaini Nyak Othman. (2002). *Gendang Melayu Sarawak*. Sarawak: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak.

Informan:

Informan R1, ditemubual pada 03.02.2016.

Informan R2, ditemubual pada 05.02.2016

Informan R3, ditemubual pada 07.02.2016

Lampiran 1: Glosari Dialek Sarawak

	Dialek Sarawak	Bahasa Melayu Standard
1	juak	juga
2	sunggoh	sungguh
3	kerebung lokan	cengkerang lokan
4	bagei	bagai
5	termenong	termenung
6	meskin	miskin
7	dilupak	dilupa
8	sidak	mereka
9	setegoh	seteguh
10	gunong	gunung
11	udah	sudah
12	berisik	mengandungi
13	bijik	biji
14	pakei	dijadikan /sebagai
15	tok	inilah
16	sik	tidak
17	penandak	penari